

**SIDANG DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN KHOO POAY TIONG [ KOTA MELAKA ]**

**TARIKH : 3 OGOS 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN KHOO POAY TIONG [ KOTA MELAKA ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan :

- a) apakah justifikasi, kriteria dan faktor dalam pengagihan spektrum 5G kepada 5 syarikat sepertimana yang diarahkan oleh Menteri pada 15 Mei 2020; dan
- b) mengapakah arahan itu ditarik balik dan dibatalkan pada 3 Jun 2020.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan pengagihan spektrum di negara ini adalah tertakluk kepada rangka kerja yang diperuntukkan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) dan perundangan subsidiari yang relevan termasuklah Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Spektrum) 2000.

2. Spektrum adalah sumber negara yang terhad dan oleh itu, pengagihan spektrum perlu dibuat dengan cekap bagi memastikan penggunaan sumber tersebut dibuat dengan optimum dan mendatangkan hasil yang paling menguntungkan kepada Negara dan

manfaatnya akan dapat dinikmati oleh rakyat melalui perkhidmatan yang lebih berkualiti. Sekiranya pengagihan dibuat tanpa kajian yang menyeluruh, dikhuatiri berlaku pembaziran sumber yang seterusnya memberi kesan kepada hasil Negara.

3. Pelaksanaan pengagihan jalur spektrum untuk perkhidmatan jalur lebar serta perkhidmatan 5G sedang dikaji semula dengan mengambil kira pengagihan spektrum sedia ada yang melibatkan sektor telekomunikasi negara. Ini adalah penting untuk memastikan perkhidmatan jalur lebar sedia ada kepada rakyat dapat dipertingkatkan di samping menaik taraf perkhidmatan yang telah disediakan dengan menggunakan rangkaian teknologi terkini.

4. Sepertimana YB sedia maklum, melalui Projek Demonstrasi 5G Malaysia yang telah dilancarkan sejak Oktober 2019, sejumlah 72 kes-kes kegunaan 5G telah dibangunkan dan didemonstrasikan di 56 tapak (live site) merentasi 6 buah negeri iaitu Kedah, Perak, Pulau Pinang, Selangor, Terengganu dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

5. Projek ini memberi tumpuan kepada sembilan (9) bidang industri yang dikenal pasti iaitu bandar pintar, hiburan/media, minyak dan gas, pelancongan, pembuatan dan pemprosesan, pendidikan, pengangkutan pintar, kesihatan digital dan pertanian. Projek ini turut mendapat sokongan dan komitmen padu daripada penggiat industri telekomunikasi dan multimedia dengan sumbangan pelaburan dianggarkan sebanyak RM143 juta. Inisiatif ini juga dilihat sebagai usaha untuk memperkenalkan teknologi 5G kepada masyarakat melalui kes-kes kegunaan yang didemonstrasikan bagi memberi kesedaran serta pengalaman bagaimana teknologi 5G ini dapat dimanfaatkan.